

Anak Pencetus Lahimya Produk

Alfateh Junior

Awalnya dia tidak terfikir untuk memiliki bisnis sendiri. Memiliki kelulusan dalam bidang Pengurusan Perniagaan Antarabangsa, bapa kepada tiga orang anak ini iaitu Muhammad Al Fateh, 5, Fatimah Azzahra, 3, dan Khadijah, setahun ini memilih untuk makan gaji. Namun, segala-galanya berubah apabila dia nekad untuk mencuba bidang baru dengan terjun ke dunia perniagaan.



yang dahulunya dikenali sebagai Al Fateh Genius. Rasanya yang sedap dan boleh dikunyah seperti gula-gula, nyata memberi kelebihan untuk diterima oleh kanak-kanak.

"Anak sulung saya, Muhammad Al Fateh memang sukakan gula-gula, disebabkan kerap makan, kesihatannya mula terganggu dan terkena jangkitan pada paru-paru dan seolah-olah terkena asma sedangkan anak saya tiada penyakit tersebut. Apabila berjumpa dengan doktor, memang soalan pertama yang ditanya adakah anak saya suka makan gula-gula, bila tahu anak saya memang suka makan, doktor nasihatkan supaya berhenti dari mengambil makanan tersebut.

"Waktu itu, saya dan isteri, Farah Jawahir Mohammed Saharom, 32, memberikan suplemen untuk anak ambil tetapi dia kurang gemar. Daripada situ

Semuanya bermula gara-gara kesihatan anaknya terjejas disebabkan gemar makan gula-gula. Justeru, Ariff Bin Subri, 32 mencari inisiatif lain sebagai suplemen, namun tidak memenuhi selera anaknya. Lantas, dia dan isteri memberanikan diri membuat kajian yang berkaitan makanan sunah bagi menghasilkan suplemen untuk kanak-kanak iaitu gula-gula dalam bentuk pastil yang di gemari kanak-kanak. Usai melalui beberapa peringkat, akhirnya terhasilah suplemen Al Fateh Junior



58 keluarga

Control No : 0000275734
File Name : Bus 2018/A02

timbul idea untuk menghasilkan produk sendiri dan tidak sangka selepas makan produk ini, anak saya sendiri yang tiba-tiba dapat menghafal doa naik kenderaan yang agak panjang sedangkan kami tak pernah ajar dia menghafal."

"Ketika itu kami hanya memberinya suplemen Al Fateh Junior sahaja dan ini meyakinkan kami bahawa produk kami ini mampu menyokong perkembangan minda kanak-kanak dengan khasiat setiap bahan yang terkandung di dalamnya," cerita Arif lagi sambil memberitahu antara bahan yang terkandung di dalam suplemen Al Fateh Junior ialah madu, zaafaran, gam arab, delima, kismis atau buah anggur.

BUKAN DARI KELUARGA SENANG

Hampir dua tahun dalam bidang ini, Arif menerusi syarikatnya Alfateh Alami Sdn Bhd, sudah mengeluarkan dua produk iaitu Al Fateh Junior dan Al Fateh Gold. Selain untuk kanak-kanak, produk orang dewasa dan warga emas yang diberi nama Al Fateh Gold ini juga dikeluarkan dalam bentuk gula-gula dengan menggunakan bahan-bahan yang lebih premium untuk orang dewasa dan warga emas.

"Saya bukanlah daripada keluarga senang, tapi kalau boleh saya ingin tunaikan hasrat ibu bapa saya dan memberikan kehidupan lebih baik untuk keluarga saya. Sebelum ini saya pernah menjual barangan mainan kanak-kanak, kemudian Al-Quran digital secara online. Daripada situlah mulanya saya berjinjak dengan bisnes secara online sehingga sekarang.

"Selepas mendirikan rumah tangga, saya cuba berniaga secara serius dan nekad untuk berhenti makan gaji. Alhamdulillah percaturan itu membuahkan hasil dan produk Al Fateh diterima baik di pasaran.

"Bayangkan pertama kali mengeluarkan produk, sambutan cukup menggalakkan. 500 botol pertama habis dijual dalam tempoh seminggu dan produk kami menjadi viral. Itu antara penyebab saya memberanikan diri untuk mengeluarkan 5000 botol suplemen Al Fateh Junior. Alhamdulillah, sehingga kini, telah lebih 300,000 botol terjual seluruh negara secara online dan offline. "Jelas Arif sambil memberitahu Al Fateh Gold mengandungi enam bahan utama yang terdiri daripada buah-buahan terpilih iaitu buah Zaitun,

Delima, Tin, Kurma, Gam Arab dan Luban.

UNTUK BERJAYA NIAT KENA BETUL

Jujur mengakui bukan mudah untuk melalui liku-liku dalam bidang bisnes. Bermula dengan zero dan rumah mentua menjadi lokasi untuk beroperasi, alhamdulillah sambutan diterima menaikkan semangat Arif untuk meneruskan usaha tersebut.

"Ini semua berkat doa anak isteri dan juga keluarga. Setakat ini, kami sudah ada 1000 ejen, 100 stokis dan 7 khalifah (Master Leader) di seluruh negara. Selain itu, kami juga ada rakan niaga strategik di China, Batam dan Singapura. Bagi yang berminat untuk menjadi ejen, perlu membuat pembelian bernilai RM500 dan kami menawarkan 'money back guarantee'. Jika produk tak terjual dalam tempoh sebulan, boleh dipulangkan, dengan syarat tertentu.

"Kami juga menawarkan khidmat latihan untuk para ejen dan stokis kami. Pada saya, untuk berjaya kita kena ikut cara yang betul. Dalam bisnes memang kita fikirkan keuntungan namun kena ada niat yang baik contohnya untuk membantu orang lain maka Allah akan memudahkan perjalanan kita," ujar Arif yang merancang

untuk memperkembangkan lagi jenama Al Fateh dengan menerbitkan komik Al Fateh dan merchandise iaitu DIY Robotic.

Tambahnya lagi, menerusi jenama Al Fateh, dia mahu muncul sebagai Pelopor Keluarga Bahagia No 1 di dunia. Justeru, dia juga merancang menubuhkan production team yang akan menganjurkan event untuk usahawan-usahawan kecil supaya dapat bergerak secara berjemaah. ☺



Business Entrepreneur
Pg 58-59